



## MAKLUMBALAS AKHBAR BERITA HARIAN KAJI SEMULA KEMASUKAN BERAS IMPORT

Dengan hormatnya saya merujuk kepada aduan di akhbar **Berita Harian** bertarikh **15 Mac 2016** mengenai **Kaji semula kemasukan beras import**.

Pada 15 Mac 2016, Persatuan Pengilang Beras Melayu Malaysia (PPBMM) mendakwa berlakunya lambakan padi di 23 kilang beras Melayu sebanyak 102,312 tan matrik (tm) dan beras sebanyak 32,282 tm berpunca daripada kemasukan beras import yang melebihi keperluan semasa.

Hasil maklumbalas yang diterima MOA berkenaan isu ini, kemungkinan lambakan padi dan beras yang berlaku di 23 kilang tersebut adalah kerana pasaran beras tempatan yang agak perlahan pada awal tahun ini..

Walau bagaimanapun, MOA percaya masalah lambakan ini akan dapat diselesaikan apabila permintaan terhadap beras tempatan kembali pulih. Bagi tempoh Mac hingga Mei 2016 ini, Padi Beras Nasional Berhad (BERNAS) telah menerima pesanan pembelian beras tempatan sebanyak 137,000 tm. Daripada jumlah tersebut, Bernas memaklumkan, 85,200 tm beras akan dibekalkan oleh Pengilang Bumiputera dan 44,350 tm daripada kompleks BERNAS.

Melalui pesanan pembelian ini, setiap kilang akan berupaya untuk mengendalikan padi dan menjadualkan program kisan sebelum musim baru yang dijangka bermula pada bulan Ogos 2016.

MOA juga ingin maklumkan, pihak kami sentiasa mengambil kira jumlah sebenar pengimportan beras bagi menampung keperluan bekalan beras dalam negara. Bagi tahun 2016, kementerian telah mengurangkan jumlah pengimportan beras kepada

900,000 tm kepada BERNAS berbanding 960,000 pada tahun lepas. Jumlah ini adalah pengurangan sebanyak 6% berbanding tahun 2015. Pihak kementerian juga sentiasa membuat semakan semula terhadap keperluan import agar ia selaras dengan polisi dan dasar yang telah ditetapkan.

---

Disediakan Oleh :  
**Unit Komunikasi Korporat**  
**Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani**  
**03-88701376 / 03-88701378**